

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1987/88

EBS 406/2 - UKUR LOMBONG

Tarikh: 30 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana EMPAT soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.
3. Jalan-jalan kerja dan jawapan untuk semua peringkat kiraan mesti ditunjuk hingga ketepatan satu saat lengkok (accuracy of one second of arc) dan jarak lurus kepada 3 titik perpuluhan (linearly to the third decimal place).
4. Mesin pengira tanpa keupayaan program (Electric non-programmable calculator) boleh digunakan.

Soalan 1

- (a) Lukiskan suatu Jumantara (Celestial Sphere) yang menunjukkan sudut bering (bearing angle), bi-tinjah (co-altitude), bi-linjah (co-latitude), bi-sudutistiwa (co-declination) dan azimut matahari untuk cerapan-cerapan yang dibuat pada waktu pagi. Dimanakah kedudukan matahari di Jumantara merujuk kepada satah yang lalu menerusi zenit dan kutub utara Jumantara (Celestial north pole) jika cerapan dibuat pada waktu petang.

(30 markah)

- (b) Buktikan formula untuk segitiga sfera PZS (spherical triangle), (P - Kutub, Z - zenit dan s - Matahari) iaitu,

$$\text{Kos } Z = \frac{\pm \sin d}{\text{Kos } h \cdot \text{Kos } \ell} \mp \tan h \cdot \tan \ell$$

dimana:

Z ialah sudut azimut daripada segitiga sfera PZS

d ialah sudutistiwa (declination) matahari

h ialah tinjah (altitude) matahari

ℓ ialah linjah (latitude) matahari

(50 markah)

- (c) Apakah kebaikan dan keburukan cerapan-cerapan yang dibuat pada matahari dan Polaris (bintang)?

(20 markah)

Soalan 2

- (a) Apakah jenis alat yang ditakrifkan sesuai di dalam membuat kerja pemindahan meridian (transfer of meridian) menerusi sesuatu pembukaan (lubang) yang condong (inclined opening). (Kecondongan $> 50^\circ$)?

Terangkan pembetulan-pembetulan yang diperlukan di dalam menghasilkan penyebarisan yang tepat (accurate alignment) untuk sisi teleskop di dalam kaedah 'pembetulan (adjustment)'.

(50 markah)

...3/-

- (b) Cerapan azimut ke bintang Polaris telah dibuat pada 1hb. Jun 1983, di kawasan bergaris lintang (latitude) $40^{\circ} 06' 18''$ Utara dan bergaris bujur (longitude) $88^{\circ} 13' 30''$ Barat. Masa cerapan ialah $8^{\text{h}} 23^{\text{m}} 20^{\text{s}}$ P.M, sudut antara tanda rujukan dengan Polaris ialah $46^{\circ} 17.5'$ (mengikut arah jam). Jam yang digunakan didapati lewat 35 saat dan pembentulan zon (zone correction) ialah 6 jam.

Cari bering garisan tersebut.

Maklumat-maklumat berikut diberi:-

Untuk 1983, Jarak Kutub (Polar distance) ialah $0^{\circ} 48.50'$.

Untuk sudut Waktu Tempatan (Local Hour Angle LHA) diantara 0° hingga 180° , Polaris berada di Barat Utara dan untuk LHA 180° hingga 360° , ia berada di Timur Utara. Pembetulan untuk bering asas (preliminary bearing) ialah $0.2'$.

Sudut waktu Tempatan LHA	Garis Lintang (Latitude)	
	40°	42°
160°	$0^{\circ} 21.4'$	$0^{\circ} 22.1'$
165°	$0^{\circ} 16.2'$	$0^{\circ} 16.7'$

Jadual I

(50 markah)

Soalan 3

- (a) Terangkan dengan jelas kaedah segitiga 'Weisbach' dan kaedah segiempat 'Weiss' di dalam memindah meridian menerusi pembukaan (lubang) tegak.

(50 markah)

...4/-

(b) Merujuk kepada Rajah 1, berikut adalah nilai-nilai cerapan yang didapati:-

Cerapan permukaan

$$\text{Sudut } B A W_s = 90^{\circ} 00' 00'' ; \text{ Jarak } W_1 W_2 = w_s = 10.000 \text{ m}$$

$$\text{Sudut } A W_s W_2 = 260^{\circ} 00' 00'' ; \text{ Jarak } W_1 W_s = w_2 = 5.000 \text{ m}$$


$$\text{Sudut } W_1 W_s W_2 = 0^{\circ} 01' 20'' ; \text{ Jarak } W_2 W_s = w_1 = 15.000 \text{ m}$$

Cerapan Bawah Tanah

$$\text{Sudut } W_2 W_u W_1 = 0^{\circ} 01' 50'' ; \text{ Jarak } W_2 W_u = Y = 4.000 \text{ m}$$

$$\text{Sudut } W_1 W_u X = 200^{\circ} 00' 00'' ; \text{ Jarak } W_u W_1 = X = 14.000 \text{ m}$$

$$\text{Sudut } W_u X Y = 240^{\circ} 00' 00''$$



Rajah 1

Cari bering garisan XY (bawah tanah) relatif kepada garis asas permukaan AB. (Gunakan cara Bering Bulatan Penuh).

(50 markah)

...5/-


Soalan 4

Huraikan secara terperinci dan jelas kerja-kerja ukur tersebut:-

- (a) Ukur Geodetik (Geodetic Survey) (40 markah)
(b) Ukur Hidrografi (Hidrographic Survey) (30 markah)
(c) Kaedah menentukan bering melalui tirodolit Giro (Gyro theodolite) (30 markah)

Soalan 5

- (a) Beri perbezaan di antara kerja terabas bawah tanah dengan kerja terabas permukaan. (25 markah)
- (b) Apakah tujuan pengambilan butir-butiran di dalam kerja terabas bawah tanah. Huraikan satu daripada kaedahnya. (25 markah)
- (c) Terangkan secara ringkas bagaimana anda menentukan arah dan mencari sudut lencongan (deviation) sesuatu lubang Gerudi (Gerek). (25 markah)
- (d) Merujuk kepada rajah di bawah, carikan aras B dan C. (25 markah)



Rajah II

Diberi, $l_1 = 3.025 \text{ m}$, Aras A = 105.330 m

$$l_2 = 34.420 \text{ m}$$

$$l_3 = -4.750 \text{ m}$$

$$l_4 = -3.825 \text{ m}$$

$$l_5 = 2.690 \text{ m}$$